

10/09/2003

Web Bajet 2004

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan akan membentangkan Bajet 2004 di Parlimen pada jam 4 petang, Jumaat ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya, semalam berkata pembentangan bajet itu akan disiarkan secara langsung oleh stesen televisyen RTM, TV3, ntv7 dan Astro, serta di laman web Perbendaharaan di <http://www.treasury.gov.my>.

Salinan ucapan Bajet 2004 akan diedarkan kepada awam selepas jam 5 petang di Tingkat Bawah, Blok Utama Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya.

Laporan Ekonomi 2003/2004 pula boleh didapati di Perbendaharaan, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya, di Parlimen dan di Percetakan Nasional Bhd, Jalan Chan Sow Lin Kuala Lumpur, pada harga RM65 senashkah.

Butiran lanjut mengenai Laporan Ekonomi 2003/2004 boleh menghubungi Percetakan Nasional Malaysia Bhd di nombor 03-9221 2022.